

PAS gesa tunda sertai TPPA, Malaysia 'tiada peluru'
Malaysian Insider
Aug 5 , 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

Malaysia "kekurangan peluru" untuk berunding dan memastikan Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) menguntungkan negara ekoran kedudukan ekonomi negara yang lemah berdasarkan penarafan Fitch Ratings, kata PAS.

Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menegaskan, penurunan mendadak Ringgit selepas Barisan Nasional (BN) mendapat mandat lemah pada 5 Mei lalu memberi tanda jelas ekonomi Malaysia belum bersedia dan kukuh untuk memasuki TPPA yang dijadualkan pada Oktober depan.

"Kemampuan kerajaan Malaysia untuk mengawal nilai mata wang Ringgit di pasaran tatkala hutang negara semakin membebankan dijangka lebih merosot jika TPPA ditandatangani.

"Ini kerana salah satu daripada dasar TPPA ialah pengharaman kawalan modal dan penambatan mata wang," katanya dan menambah, tanpa kawalan modal dan penambatan mata wang sebagai senjata pertahanan ekonomi negara akan mudah ditekan untuk menerima bantuan-bantuan daripada institusi kewangan dunia.

TPPA jelas PAS harus dibentang dan dibahas di Parlimen dari sudut 'Mengapa Malaysia harus mengundur diri dan menolak di TPPA?' sebelum apa-apa keputusan dibuat.

"Jika tidak menjumpai sebarang alasan kukuh untuk menolaknya, barulah ia harus dibincang mengapa Malaysia harus menerima TPPA.

"PAS mencadangkan agar perbincangan khas ini di parlimen disertai bekas negarawan, bekas governor Bank Negara dan institusi-institusi pakar ekonomi. PAS menegaskan kerajaan Malaysia harus meneguhkan perjanjian TPPA ini selagi TPPA tidak didebat secara menyeluruh dan difahami rakyat," tegas Tuan Ibrahim.

Beliau turut menyelar Putrajaya kerana masih gagal mendedahkan kandungan TPPA walaupun setelah 18 kali berunding.

"Lebih teruk lagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terus membisukan diri.

"Sekiranya di peringkat rundingan ini, kerajaan Malaysia sudah tidak berani mempertikaikan kerahsiaan TPPA atas sebab 'perjanjian untuk berunding rahsia', apakah kita boleh mengharap kerajaan Malaysia yang ada ini untuk menjaga hak rakyat tatkala didapati TPPA menindas rakyat Malaysia secara amnya?"

PAS juga jelas pemimpin berkenaan amat bimbang kerajaan Malaysia tidak dapat melindungi pasaran dan syarikat-syarikat tempatan tatkala industri penting seperti kewangan, tenaga, projek kerajaan dan peluang pekerjaan didominasi syarikat asing jika TPPA ditandatangani kerana kerajaan takut disaman.

"Kerajaan BN mesti mendapat persetujuan rakyat sebelum menandatangani perjanjian TPPA," tegas Tuan Ibrahim. - 5 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-gesa-tunda-sertai-tpa-malaysia-ti-ada-peluru>